



NOTIS MAKLUMAN KLASIFIKASI DAN TARIF BIL. 02/2026

Berdasarkan kepada Bab 11(1)(a) Perintah Kastam 2006 dan Perintah Eksais 2006, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) telah menentukan klasifikasi barang-barang seperti berikut:

KOD HS BDTTC 2022	9504.40.00	KADAR DUTI IMPORT	KADAR DUTI EKSAIS
		Nil	20%
AGENSI MENGAWAL	-		
KETERANGAN BARANG	"Playing cards"		
BARANG YANG TERMASUK	Semua jenis permainan kad; sama ada dalam pek atau sekeping, di dalam pek komersial atau plastik jernih yang lembut/keras. • <i>Monopoly Deal</i>, <i>UNO</i>, <i>Exploding Kittens</i> dan sebagainya; dan • <i>Trading Card Games</i> (TCG), sama ada untuk dimainkan atau sebagai koleksi (dengan gred atau sebaliknya) seperti <i>Pokemon</i>, <i>One Piece</i>, atau <i>sports trading cards</i> yang dikeluarkan oleh <i>Topps</i>, <i>Panini</i> dan sebagainya.		

2. Sehubungan ini, pihak yang berkepentingan adalah dinasihatkan untuk memastikan bahawa Kod *Harmonised System* (HS) barangan yang diikrarkan hendaklah memenuhi ciri-ciri produk yang bersesuaian dengan keterangan di atas yang akan berkuatkuasa bermula **01 OGOS 2026**.

3. Mana-mana pihak berkepentingan yang berkeinginan untuk mendapatkan pengesahan klasifikasi daripada JKED hendaklah mengemukakan maklumat produk yang lengkap seperti spesifikasi pembuatan, risalah dan gambar produk bagi memudahkan penentuan klasifikasi yang tepat.

4. Bagi pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Penilaian, Klasifikasi dan Tarif (UPKT), JKED melalui Whatsapp di talian +673 8323841 atau e-mel kepada upkt@customs.gov.bn.

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja
Kementerian Kewangan

Tarikh: 01 Safar 1448H
16 Julai 2026M